



**DASAR  
KEBUDAYAAN  
NEGARA**  
— 2021 —





KEMENTERIAN PELANCONGAN,  
SENI & BUDAYA MALAYSIA

# **DASAR KEBUDAYAAN NEGARA 2021**

**"Negara Maju Rakyat Berbudaya"**

Cetakan 2021

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA**

Tidak dibenarkan setiap bahagian daripada penerbitan ini diterbitkan semula atau dipindahkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain tanpa mendapat keizinan bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan - Dalam - Penerbitan  
ISBN 978-983-40569-9-5

Penerbit:  
Bahagian Dasar Kebudayaan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya  
Aras 4, No. 2, Menara 1  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 Putrajaya

Cetakan Pertama 2021  
© Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia

Reka bentuk kulit:  
Balai Seni Lukis Negara

Reka bentuk dalaman:  
Taufiq Asma'i Bin Ahmad Mansur

Diuruskan oleh:  
MZR Global Sdn Bhd  
5A, 1st Floor, Jalan Kristal K7/K, Seksyen 7  
40000 Shah Alam  
Selangor

Pihak penerbit berusaha memastikan ketetapan maklumat di dalam buku ini ketika diterbitkan. Namun tiada jaminan diperakukan bahawa segala maklumat yang terkandung adalah lengkap dan tepat. Penerbit tidak bertanggungjawab atas apa-apa risiko dan liabiti yang berlaku atas penggunaan maklumat yang disalurkan secara langsung dan tidak langsung.



# KANDUNGAN

<b>1. Kebudayaan Negara Malaysia: Pernyataan Wawasan</b>	
Latar belakang	2
Tinjauan terhadap Dasar Kebudayaan Kebangsaan	6
i. Status Dasar Kebudayaan Kebangsaan	
ii. Pembudayaan dalam kalangan masyarakat awam	
iii. Salah tanggap konsep	
Penjelasan Konsep dan Pengertian Kebudayaan	7
Penggubalan Dasar Kebudayaan	9
<b>2. Dasar Kebudayaan Negara</b>	
Mukadimah	12
Visi dan Misi	13
Matlamat	14
Pernyataan Dasar	14
Peranan	18
Teras	18
Bidang Fokus Seni, Budaya dan Warisan	27
Rumusan	30
<b>3. Strategi dan Pelan Tindakan Dasar Kebudayaan Negara (2021 - 2025)</b>	
Pengenalan	32
Strategi dan Pelan Tindakan	34
Teras 1: Budaya Nilai Tinggi	34
Teras 2: Keharmonian Masyarakat	37
Teras 3: Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya	40
Teras 4: Pembangunan dan Pengembangan Budaya	45
Teras 5: Pemeraksanaan Budaya	51
Teras 6: Penjanaaan Ekonomi Kebudayaan	56
Teras 7: Kecemerlangan Budaya	60
<b>GLOSARI</b>	64
<b>AKRONIM</b>	66
<b>BIBLIOGRAFI</b>	68

Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) menetapkan hala tuju untuk menjadi Malaysia sebagai **Negara Maju Rakyat Berbudaya** bersandarkan pendekatan **budaya nilai tinggi** yang ditunjangi tiga (3) elemen utama iaitu tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan serta amalan nilai-nilai murni. Dasar ini digubal sebagai punca kuasa dan rujukan kepada hal ehwal seni, budaya dan warisan. Dasar ini juga memberi penekanan kepada usaha pengukuhan jati diri dan pembinaan negara bangsa.

DAKEN digubal dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang terkandung dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 dan perkembangan budaya semasa. Integrasi budaya menjadi naratif baharu kebudayaan Malaysia ke arah pembentukan identiti nasional. Walau bagaimanapun, budaya tradisi tetap dikekalkan sebagai kesinambungan tamadun dan kemegahan negara dalam memelihara dan memulihara khazanah warisan budaya.

Penulisan DAKEN digarap dalam tiga (3) bahagian yang saling berkait. Bahagian pertama memperkatakan tentang sejarah peradaban Tanah Melayu di rantau Asia yang amat besar pengaruhnya. Kehadiran masyarakat Cina, India, Arab-Parsi dan Barat telah mewujudkan struktur kependudukan baharu di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Keadaan ini bukan sahaja mengubah wajah masyarakat Malaysia tetapi juga telah mewarnai amalan budaya setempat. Kepelbagaian budaya ini perlu disusun, dibangun dan dimajukan dalam konteks semangat perpaduan dan solidariti, keadilan sosial, ekonomi, politik, kerohanian dan kualiti hidup yang boleh mengukuhkan jati diri. Bahagian kedua memaparkan tentang kerangka DAKEN mengikut segmen supaya dokumen dasar ini lebih jelas, mudah difahami dan senang dirujuk. Segmen utama DAKEN seperti visi dan misi, matlamat, pernyataan dasar, strategi, teras dan bidang-bidang seni, budaya dan warisan terkandung dalam bahagian kedua. Bahagian ketiga pula menggariskan tentang strategi dan pelan tindakan dasar ini. Strategi dan pelan tindakan DAKEN digariskan dalam bentuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang untuk dilaksanakan secara menyeluruh dalam usaha merealisasikan hasrat Dasar Kebudayaan Negara.

Secara umumnya, DAKEN ini akan menjadi panduan dan rujukan bagi memperkasa serta meningkatkan pemahaman, penghayatan, kecintaan dan pengamalan budaya dalam aspek kehidupan. Dasar ini perlu dimiliki, dihayati dan didokong oleh semua pihak supaya aspek seni, budaya dan warisan negara terus terpelihara, disanjung dan lestari.



“Rakyat yang bersatu tanpa prasangka dengan  
meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya  
adalah asas kepada penyatuan Negara Bangsa”

Tun Dr Mahathir Mohamad  
Perdana Menteri ke-7

# 1 KEBUDAYAAN NEGARA MALAYSIA

---

PERNYATAAN WAWASAN



## LATAR BELAKANG

---

Kepulauan Melayu merupakan archipelago terbesar di dunia merangkumi 25,000 pulau dan semenanjung serta pesisir pantai tanah besar Asia Tenggara. Tamadun bangsa Melayu telah muncul dengan kewujudan negeri dan kerajaan awal Melayu seperti Kedah Tua (788 SM); Kutai (400M); Santubong (500M); Srivijaya (684M) dan Brunei atau Bo-ni (900M). Ketamadunan awal yang ditandai Empayar Srivijaya, Empayar Brunei, Empayar Majapahit dan Empayar Melaka telah membentuk peradaban dan ketamadunan rantau ini menjadi kukuh. Sungguhpun berada di antara dua tamadun besar; India dan China, bangsa Melayu berjaya membina ketamadunannya tersendiri.

Penjajahan British di Tanah Melayu yang melaksanakan dasar pecah dan perintah telah membentuk masyarakat majmuk dalam kalangan orang Melayu, Cina dan India. Persekutuan Malaysia yang kemudiannya terbentuk pada 16 September 1963 telah menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dan tanah jajahan British, yang terdiri daripada Sabah, Sarawak dan Singapura. Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia pada 9 Ogos 1965. Persekutuan Malaysia yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan terdiri daripada 13 buah negeri iaitu Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu.

Persekutuan Malaysia mewarisi tamadun bangsa Melayu yang mendiami Kepulauan Melayu, bangsa India di benua India, bangsa Cina di benua China, peribumi Sabah dan Sarawak di kepulauan Borneo dan Orang Asal Tanah Melayu sebagai peribumi Semenanjung. Demikian juga, penduduk rantau ini telah menerima pelbagai bentuk pengaruh seumpama Hinduisme, Buddhisme dan kedatangan Islam telah menjadi teras kepada peradaban dan membentuk budaya hidup rakyat rantau ini.

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk membangunkan negara meliputi aspek sosial, ekonomi dan politik. Dasar-dasar pembangunan digubal sebagai langkah mencapai perpaduan dalam kalangan rakyat dan mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi akibat daripada dasar yang diperkenalkan pihak penjajah. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan titik tolak kerajaan menilai semula dan memperbaharui strategi bagi mengatasi ketidakseimbangan sosioekonomi yang wujud ketika itu.

Dasar-dasar pembangunan negara telah dirancang melalui dua (2) rancangan iaitu Rancangan Malaysia Lima (5) Tahun dan Rangka Rancangan Jangka Panjang. Antara dasar dominan digubal selepas merdeka ialah Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang diperkenalkan pada tahun 1971 hingga 1990. DEB menumpukan kepada perpaduan kaum dan keseimbangan sosial dan ekonomi. Manakala Dasar Pembangunan Nasional (DPN) diperkenalkan pada tahun 1991 hingga 2000 dengan meneruskan strategi asas DEB iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bagi memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum.





Susulan itu beberapa dasar lain turut digubal bagi membolehkan Malaysia mencapai taraf sebuah negara maju dalam semua aspek iaitu keadilan sosial, nilai, etika dan moral, kestabilan politik, kualiti hidup, kecekapan pentadbiran kerajaan dan kecemerlangan ekonomi.

Selain itu, hal-hal kebudayaan turut diberi penekanan supaya menjadi elemen penting dalam pembinaan negara. Misalnya, Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang telah diadakan pada 16 hingga 20 Ogos 1971 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur menggariskan tiga (3) prinsip, tiga (3) matlamat dan lima (5) strategi Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK).

Tiga (3) Prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah:

- 1) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- 2) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan; dan
- 3) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Prinsip pertama DKK mengiktiraf sejarah peribumi yang panjang dan berkesinambungan serta wilayah kebudayaan di rantau ini dengan bahasa Melayu sebagai *lingua-franca*. Prinsip kedua pula mengiktiraf hakikat bahawa sesuatu kebudayaan itu harus berubah melalui proses penyerapan pelbagai bentuk kebudayaan luar yang murni, baik dan positif serta tidak bercanggah dengan prinsip Islam. Agama Islam menjadi asas tamadun peribumi di rantau ini seperti yang dinyatakan dalam prinsip ketiga.

Tiga (3) Matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah:

- 1) Mengukuhkan perpaduan kaum melalui kebudayaan kebangsaan;
- 2) Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan; dan
- 3) Memperkaya dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosioekonomi





Lima (5) Strategi Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah:

- 1) Pemuliharaan, pemeliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah menguatkan asas kebudayaan kebangsaan melalui penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya;
- 2) Meningkatkan dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha membimbing, melatih, mendokong dan menggerakkan kebudayaan sebagai jentera pembangunan berkesan;
- 3) Komunikasi berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisme;
- 4) Memenuhi keperluan sosiobudaya; dan
- 5) Meningkatkan taraf dan mutu kesenian.

Dalam kemajuan seni dan budaya negara, DKK berjaya menyumbang beberapa pencapaian fizikal dan bukan fizikal melalui inisiatif yang dilaksanakan antaranya seperti berikut:

- 1) Peningkatan fungsi Balai Seni Lukis Negara (1958);
- 2) Penubuhan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu (1983);
- 3) Program Tahun Melawat Malaysia (1990);
- 4) Penubuhan Panggung Negara (kini Istana Budaya) (1999);
- 5) Anugerah Seni Negara (1993);
- 6) Penubuhan Akademi Seni Kebangsaan (kini ASWARA) (1994);
- 7) Penubuhan Akaun Tabung Amanah Kebudayaan (1994);
- 8) Penubuhan Muzium Etnologi Dunia Melayu (2000);
- 9) Penaiktarafan Bahagian Kebudayaan kepada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (2005);
- 10) Pelaksanaan program pemuliharaan dan pembangunan tempat bersejarah seluruh Malaysia;
- 11) Penubuhan Jawatankuasa Penasihat mengenai program UNESCO;







- 12) Penyediaan rangka tindakan (*blueprint*) Kebudayaan Kebangsaan; dan
- 13) Program yang berkaitan dengan pengiktirafan, pembangunan kandungan, modal insan, pencarian bakat, kerjasama antara agensi, kajian dan pembangunan, industri kreatif dan kemajuan teknologi dan media.

Setelah hampir dua puluh (20) tahun DKK digagaskan dalam pentadbiran negara dengan mengambil kira perubahan sosiobudaya dan cabaran semasa ketika itu, Wawasan 2020 telah diperkenalkan pada 28 Februari 1991. Sembilan (9) cabaran Wawasan 2020 yang digariskan untuk mencapai taraf negara maju dan pembentukan bangsa Malaysia yang utuh dan memenuhi aspirasi DKK iaitu:

- 1) Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu;
- 2) Membina masyarakat berjiwa bebas, tenteram dan berkeyakinan;
- 3) Memupuk dan membina masyarakat demokratik yang matang;
- 4) Mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral dan beretika;
- 5) Mewujudkan masyarakat yang matang, liberal dan toleransi;
- 6) Membina masyarakat yang maju dan saintifik;
- 7) Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya penyayang;
- 8) Menjamin sebuah masyarakat yang adil dan saksama ekonominya; dan
- 9) Memupuk dan membina masyarakat makmur.





# TINJAUAN TERHADAP DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

---

## 1 Status Dasar Kebudayaan Kebangsaan

Walaupun istilah yang digunakan adalah 'dasar', namun secara rasminya DKK belum diberikan pensahihan dengan maksud belum diangkat atau dibentangkan di peringkat Jemaah Menteri. Namun begitu terdapat beberapa peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta tertentu yang memberikan asas kepada unsur kebudayaan kebangsaan. Sebagai contoh, status bahasa Melayu, Akta Bahasa Kebangsaan, Akta Pendidikan dan status agama Islam juga termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Strategi DKK turut didukung dan dilaksanakan oleh pelbagai jabatan/ agensi kerajaan secara pentadbiran. Di samping itu, penglibatan sektor swasta dan badan bukan kerajaan turut mengisi prinsip DKK dari aspek bahasa, kesusasteraan, keagamaan, seni, budaya dan warisan bagi merencanakan usaha pemupukan kebudayaan kebangsaan.

## 2 Pembudayaan Dalam Kalangan Masyarakat Awam

Dalam kehidupan seharian, evolusi amalan budaya yang merentas budaya suku-kaum berlaku tanpa disedari menerusi amalan adat, budaya, penghayatan sastera, bahasa, perayaan, seni kraf, seni lukis, seni bina, seni tari, seni muzik, seni persembahan, makanan, pakaian, sukan dan lain-lain. Kecenderungan ini menunjukkan penerimaan kebudayaan kebangsaan secara meluas dalam kalangan masyarakat yang secara tidak langsung menjanjikan satu masa depan Malaysia yang maju dan berbudaya.

## 3 Salah Tanggap Konsep

Cabaran yang masih berterusan menyelubungi saranan DKK yang dilaksanakan pada peringkat nasional sebelum ini ialah tentang 'konsep'nya.

Antara sebab berlakunya salah tanggap terhadap konsep ialah pertama, istilah 'dasar' dalam garis panduan pembinaan kebudayaan kebangsaan itu disalah erti sebagai membawa maksud suatu kemestian yang dipaksakan.

Kedua, beberapa istilah yang digunakan dianggap sebagai 'eksklusif' sifatnya, iaitu dianggap seperti menolak yang lain. Contohnya istilah 'Islam' dianggap membawa makna menolak agama lain, sedangkan maksud sebenar ialah nilai-nilai murni dalam ajaran Islam adalah bersifat universal yang boleh difahami dan diterima oleh penganut agama lain.

Selain itu, timbul tanggapan seolah-olah matlamat akhir DKK ialah untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia yang *homogeneous*. Sedangkan, maksud sebenar adalah untuk menggalakkan proses penyesuaian dan pembudayaan ke arah pembinaan jati diri Malaysia tanpa menghapuskan ciri-ciri budaya etnik.







## **PENJELASAN KONSEP DAN PENGERTIAN KEBUDAYAAN**

---

Budaya ialah cara hidup dalam sesebuah masyarakat. Setiap suku kaum dan etnik mempunyai kebudayaannya tersendiri. Kebudayaan kebangsaan pula ialah cara hidup yang merentas budaya suku kaum dan etnik yang mencorak amalan budaya peringkat nasional. Kebudayaan kebangsaan adalah milik kita bersama yang menjadi amalan dan kebanggaan rakyat Malaysia tidak kira di mana mereka berada.

Kebudayaan kebangsaan Malaysia dapat dilihat dalam dua (2) peringkat dan dua (2) bentuk:

- 1) Peringkat kebangsaan yang berbentuk amalan budaya peringkat rasmi yang digunakan dalam upacara-upacara rasmi negara (contoh: upacara pertabalan, pengurniaan darjah kebesaran dan pakaian kebangsaan); dan
- 2) Peringkat bukan kebangsaan dalam bentuk amalan budaya yang diamalkan oleh suku kaum dan etnik masing-masing (contoh: adat istiadat seperti perkahwinan, makanan, pakaian, perayaan dan lain-lain).

Dalam sebuah negara pelbagai suku kaum dan etnik seperti Malaysia terdapat tiga (3) dimensi yang menyatu padu dan memperkukuhkannya sebagai sebuah *polity*:

- 1) Daerah atau ruang fizikal yang jelas sempadan politik;
- 2) Sistem kenegaraan, termasuk Perlembagaan, dan urusan berkaitan sosioekonomi dan politik; dan
- 3) Kehadiran kebudayaan milik bersama di peringkat nasional yang merentasi budaya suku kaum dan etnik. Ini merupakan dimensi yang perlu dimantapkan.





Dimensi ketiga ini penting dalam proses pembinaan negara. Ia perlu dirancang berpandukan hala tuju yang jelas kerana konsep pembinaan negara itu mesti selari dengan Perlembagaan Persekutuan yang mempunyai sistem program induk ekonomi, sistem politik dan sosial negara.

Sebagai sebuah wawasan kebudayaan negara, dasar kebudayaan hendaklah tidak menggugat dan menggantikan amalan budaya suku kaum dan etnik, malah mewujudkan satu rupa bentuk nilai dan amalan di peringkat negara. Bertitik tolak daripada itu, sudah sampai masanya dasar kebudayaan di negara ini dilihat dalam konteks yang lebih luas dan dinamik, iaitu sebagai sebuah dasar yang mengambil kira perubahan struktur pentadbiran semasa.







## **PENGGUBALAN DASAR KEBUDAYAAN**

---

Kebudayaan negara Malaysia terbentuk daripada nilai dan norma yang dikongsi, dihayati dan didukung sebagai warisan bersama rakyat yang telah berakar umbi di negara ini. Ia menjadi rujukan untuk membina masyarakat Malaysia yang bersatu padu dan maju menurut acuan sendiri.

Nilai dan norma, baik dalam tradisinya mahupun dalam zaman kini bermaksud nilai yang berteraskan budaya peribumi, budaya bawaan dan budaya sezaman yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai agama, sama ada Islam atau agama-agama lain yang diamalkan di Malaysia. Ia adalah nilai positif dan dinamik yang dapat membentuk budaya dan kemajuan tamadun sesebuah negara. Justeru, sebuah dokumen rujukan dasar berkaitan kebudayaan perlu diwujudkan dalam menentukan hala tuju seni, budaya dan warisan. Oleh itu, adalah wajar satu dasar digubal berkaitan hal ehwal budaya dengan mendapat mandat kerajaan dari segi kewujudannya. Ketiadaan dokumen dasar yang lengkap sebagai rujukan dan panduan boleh menimbulkan polemik dalam pelbagai aspek termasuklah:

### **1 Punca kuasa**

Ketiadaan punca kuasa dalam mengurus kebudayaan menyebabkan hala tuju pembangunan kebudayaan tidak jelas;

### **2 Kewangan**

Kewangan merupakan elemen penting dalam memajukan kebudayaan negara. Sumber peruntukan perlu selari dengan komitmen yang dimainkan oleh pemegang taruh di bawah sektor kebudayaan untuk melestarikan penjana ekonomi negara dan memakmurkan masyarakat melalui kegiatan seni, budaya dan warisan;

### **3 Pendidikan**

Elemen kebudayaan perlu diberi lebih penekanan dalam sistem pendidikan negara di setiap peringkat (pra sekolah/ rendah/ menengah/ pengajian tinggi) bagi meningkatkan penghayatan dan apresiasi terhadap seni, budaya dan warisan negara; dan

### **4 Kelestarian Seni, Budaya dan Warisan**

Seni budaya dan warisan tidak harus digadai atas nama pembangunan semata-mata. Usaha-usaha pembangunan hendaklah mengambil kira proses melestarikan seni, budaya dan warisan supaya tidak pupus.





Setelah meneliti dan mengkaji impak DKK 1971, di samping mengambil kira perubahan sosiobudaya semasa, kerajaan mengambil ketetapan untuk menggubal sebuah dasar kebudayaan yang menggariskan perkara-perkara berikut:

- 1) Dalam masyarakat pelbagai kaum, perpaduan negara menjadi matlamat utama. Bagi mengukuhkan perpaduan, satu (1) kerangka tindakan kebudayaan perlu dizahirkan dengan perencanaan yang teliti dan bersungguh-sungguh;
- 2) Kebudayaan negara adalah asas kepada peradaban bangsa. Ia mengatasi kemajuan ekonomi dan fizikal. Oleh itu, program pembangunan ekonomi, perdagangan dan prasarana fizikal perlu sebagai penyumbang, bukan pengganti kebudayaan negara; dan
- 3) Kebudayaan negara berperanan dalam memelihara dan memulihara nilai di samping pembaharuan dan pemodenan dilaksanakan secara seimbang.

Kerangka dasar kebudayaan masih mengekalkan semangat prinsip DKK dengan beberapa penambahbaikan mengikut cabaran dan kehendak semasa.




## ASAS2 KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

Saya bersyukur ka-hadizat Tuhan Rabul Alamin yang telah memberikan kita taufik dan hidayat-Nya dan menghimpunkan kita beramal2 di-sini pagi ini menempa satu peristiwa yang penting dalam sejarah negara. Ini-lah Kongres Kebudayaan yang pertama kali di-adakan di-bawah anjoran Kerajaan, dan perhimpunan ahli2 kebudayaan dan bijak pandai dari seluruh negara ada-lah natiyah yang nyata bahwa kita sudah mempunyai ketelantan sikap hendak memenohi hasrat dan cita2 kebangsaan dalam usaha memenohi dan memberikan ma'ana kepada kemerdekaan.

Sa-lama beberapa hari yang akan datang ini, saudara2 akan membincangkan beberapa kertas kerja yang telah di-tedangkan oleh bijak pandai kita mengenai berbagai aspek kebudayaan. Tidak-lah salah lagi saudara2 yang di-tugaskan menulis kertas2





“Formula utama dalam mewujudkan perpaduan di negara kita adalah memastikan hak dan kepentingan semua kaum dipelihara secara adil dan saksama. Oleh sebab itu, antara asas paling penting pembinaan negara kita adalah jaminan hak bagi setiap kaum yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan”

Tan Sri Muhyiddin Yassin  
Perdana Menteri ke-8

# 2

## DASAR KEBUDAYAAN NEGARA



## MUKADIMAH

---

Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) merupakan gagasan yang menyokong wawasan kemakmuran bersama ke arah membentuk Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang maju dan bersatu padu dengan menampilkan identiti dan keperibadian kebangsaan. Dasar ini dibina dengan mengambil kira prinsip dan matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) yang diilhamkan pada tahun 1971 dan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan sebagai ikatan mengharmonikan masyarakat majmuk di Malaysia. Dasar ini juga menjadikan prinsip-prinsip dan objektif Rukun Negara sebagai ideologi untuk menyeragamkan kefahaman semua rakyat pelbagai kaum di negara ini bagi memelihara kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan dengan jiwa patriotik.

Sesuai dengan aspirasi Negara Maju Rakyat Berbudaya, dasar ini menggariskan empat (4) prinsip dengan tujuh (7) teras utama sebagai fokus dalam merencanakan fungsi kebudayaan ke arah pemangkin pembangunan insan yang kreatif dan berkeperibadian tinggi, ekonomi berdaya saing dan persekitaran kondusif. Intipati dalam DAKEN adalah untuk mengarahkan negara menjadi maju dalam semua sektor sama ada sektor sosial, ekonomi, pendidikan, modal insan dan hal-hal yang menyentuh kepada keharmonian dan kreativiti masyarakat.

DAKEN berperanan sebagai panduan dan rujukan semua pihak dan pemegang taruh untuk mengangkat dan mengutamakan elemen budaya dalam program-program pembangunan negara. Dasar ini menjadi panduan dan milik bersama semua rakyat tanpa meminggirkan mana-mana pihak selari dengan agenda Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*). Ringkasnya, "Tiada Sesiapa Yang Ditinggalkan" (*Leave No One Behind*).

Hak-hak berbudaya dan berkarya turut menjadi keutamaan dalam dasar ini, tetapi hendaklah selari dengan iltizam memelihara, memulihara dan melindungi khazanah budaya bangsa serta tidak bercanggah dengan prinsip DAKEN, Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Bagi mencapai matlamat DAKEN, dasar ini dilengkapi dengan Strategi dan Pelan Tindakan bagi tempoh pelaksanaan selama lima (5) tahun (2021-2025). Pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti dilakukan dalam tempoh tersebut. Manakala semakan semula Strategi dan Pelan Tindakan DAKEN akan bermula selepas 2025. Secara umumnya, pelaksanaan dasar ini melibatkan empat (4) institusi penting iaitu institusi kekeluargaan, institusi pendidikan, institusi kemasyarakatan dan institusi perkhidmatan.







## VISI DAN MISI

---

### *Visi*


#### **Peneraju Gagasan Budaya Nilai Tinggi dalam Pembentukan Negara Bangsa**

Dasar Kebudayaan Negara ini menjadi panduan dalam melaksanakan pelbagai agenda dan rancangan pembangunan budaya di semua peringkat bagi menjamin pembentukan negara bangsa yang maju dengan pengamalan budaya nilai tinggi secara menyeluruh.

### *Misi*

#### **Memprakarsakan Peradaban Bangsa dan Ketamadunan Negara dalam Mencapai Kemakmuran Bersama**

Dasar Kebudayaan Negara menjadi mekanisme untuk mewujudkan bangsa Malaysia yang mengamalkan budaya nilai tinggi dan mengukuhkan keharmonian dalam kalangan rakyat yang meletakkan pencapaian tinggi berteraskan tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan. Dasar ini juga mengangkat kelestarian dan pemeraksanaan budaya melalui sains dan teknologi bagi memberi nilai tambah dalam pembangunan sosioekonomi negara.





## **MATLAMAT**

---

Dasar Kebudayaan Negara telah menggariskan matlamat seperti berikut;

- 1) Membentuk masyarakat berbudaya nilai tinggi melalui pelaksanaan kebudayaan kebangsaan, budaya sukuan, warisan khazanah dan kecemerlangan budaya;
- 2) Mengukuhkan perpaduan dan keperibadian serta jati diri rakyat dan identiti nasional;
- 3) Melestarikan kebudayaan melalui agenda pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan khazanah warisan negara; dan
- 4) Menjadikan produk kebudayaan sebagai penyumbang penting pembangunan sosioekonomi negara.

## **PERNYATAAN DASAR**

---

Gagasan DAKEN menjunjung hak-hak berbudaya berpandukan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara bagi mewujudkan negara Malaysia yang maju dan rakyat berbudaya nilai tinggi berpaksikan kepada prinsip-prinsip berikut:

### **1 Dipayungi oleh Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara**

Dasar ini bersandarkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Beberapa Peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan mempunyai kaitan secara langsung dengan DAKEN iaitu:

- i. Agama bagi Persekutuan  
Perkara 3. (1): Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Persekutuan;
- ii. Kebebasan beragama  
Perkara 11. (i): Tiap-tiap orang adalah berhak menganuti dan mengamalkan agamanya, tertakluk kepada Fasal (4), mengembangkannya; dan
- iii. Bahasa kebangsaan  
Perkara 152. (1): Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah dalam tulisan yang diperuntukkan melalui undang-undang oleh Parlimen. Dengan syarat bahawa;







- (a) Tiada seorang pun boleh dilarang atau dihalang daripada menggunakan (selain bagi maksud rasmi), atau daripada mengajarkan atau belajar, apa-apa bahasa lain; dan
- (b) Tiada apa-apa jua dalam Fasal ini boleh menjejaskan hak Kerajaan Persekutuan atau hak mana-mana Kerajaan Negeri untuk memelihara dan meneruskan penggunaan dan pengajian bahasa mana-mana kaum lain di dalam Persekutuan.

Rukun Negara yang diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 pula menggariskan lima (5) objektif dan lima (5) prinsip yang menjadi kunci kepada keharmonian dan perpaduan masyarakat iaitu:

i. **Objektif Rukun Negara**

- Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakat
- Memelihara satu cara hidup demokratik
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama
- Membentuk satu sikap yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak
- Membina sebuah masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden

ii. **Prinsip Rukun Negara**

- Kepercayaan kepada Tuhan
- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
- Keluhuran Perlembagaan
- Kedaulatan Undang-undang
- Kesopanan dan Kesusilaan


## 2 Berteraskan kebudayaan rakyat tempatan

Budaya rakyat tempatan turut diambil kira sebagai kebudayaan kebangsaan selagi selari dengan nilai moral, tatasusila dan tatacara masyarakat Malaysia. Ini merangkumi budaya Melayu, Cina, India, Orang Asal dan peribumi Sabah dan Sarawak yang menyumbang kepada kerukunan dan keharmonian rakyat di negara ini

## 3 Berteraskan budaya nilai tinggi dan amalan murni dalam agama

Budaya nilai tinggi mendukung tatacara, tatasusila dan tahap keintelektualan sebagai teras utama. Sepuluh (10) Nilai Bersama yang menjadi pendukung kepada Budaya Nilai Tinggi:





Sepuluh (10) Nilai Bersama yang menjadi pendukung kepada Budaya Nilai Tinggi;

**i. Kerohanian**

Kerohanian ialah kesedaran tentang nilai-nilai dalam diri manusia yang mengimbangi kehidupan jasmaniah dan akliah bagi membina sifat-sifat insani yang lebih sempurna;

**ii. Budi**

Budi mengungkapkan kehalusan, ketertiban dan ketulusan budi bicara, budi pekerti dan akal budi yang menjadi asas perhubungan antara masyarakat;

**iii. Muafakat**

Muafakat merujuk kepada proses mencapai keputusan, tindakan dan tanggungjawab bersama. Dalam kalangan masyarakat Malaysia, nilai ini terjelma dalam kehidupan kejiwaan, kerjasama dan gotong-royong;

**iv. Kemuliaan ilmu**

Kemuliaan ilmu merupakan sikap memandang tinggi kepada ilmu yang menjadi asas pembinaan peribadi dan masyarakat. Budaya akliah digalax, dibina dan dipupuk, manakala teknologi terkini diambil dari sudut positif bagi memantapkan kemajuan bangsa;

**v. Kesaksamaan**

Kesaksamaan merujuk kepada keadilan dalam mengimbangi kehidupan sosioekonomi masyarakat;





**vi. Kesejahteraan**

Kesejahteraan merujuk kepada kebahagiaan dan keamanan berpanjangan yang dinikmati oleh individu, keluarga dan negara yang berkait rapat dengan pembangunan insan. Tiada lagi timbul perselisihan, peperangan dan perbalahan, sebaliknya perlu disulami keperibadian murni yang akan melahirkan masyarakat sejahtera yang maju, proaktif dan berinovatif;

**vii. Kesetiaan**

Kesetiaan bermaksud sifat taat setia, teguh hati, amanah dan patuh, tidak menyanggah dan melanggar arahan. Kesetiaan tidak hanya tertumpu kepada setiakawan sesama insan, malah kesetiaan juga merupakan sifat berbakti dan cinta akan tanah air tanpa berbelah bagi;

**viii.Kejujuran / Tulus Ikhlas**

Kejujuran / tulus ikhlas membawa maksud kelurusan hati. Kejujuran dan keikhlasan adalah gambaran suatu yang tulus ikhlas yang dilihat melalui bersih, jujur dan suci hati. Sikap ini akan mengeneppikan pertimbangan peribadi, menentang kerakusan dan memurnikan amalan untuk tujuan hidup hakiki;

**ix. Keindahan**

Keindahan bermaksud kesedaran tentang kesempurnaan alam ciptaan Tuhan yang mengilhamkan segala bentuk karya seni, tindakan dan pemikiran manusia. Keindahan menjadi elemen penting dalam merancang pembangunan sosioekonomi secara mengekalkan keaslian, tidak mencemar, merosak dan memusnahkan alam semula jadi; dan

**x. Kebersihan**

Kebersihan merujuk kepada amalan murni dan persekitaran yang terjaga, indah, tersusun dan sistematik yang mewujudkan suasana harmoni dan tenang. Kebersihan dari perspektif lebih mendalam ialah berkaitan dengan jiwa bersih, berintegriti dan mengamalkan nilai-nilai murni.

**4 Berpaksikan ekspresi kepelbagaian dan kelestarian warisan budaya**

Ekspresi kepelbagaian warisan budaya bertujuan memastikan nilai-nilai seni, budaya dan warisan sentiasa terpelihara. Rakyat sentiasa digalakkan memahami, menghayati dan menghargai seni, budaya dan warisan di negara ini.

Khazanah ini juga menjadi tunjang kepada penjana ekonomi negara. Rakyat negara ini perlu mempunyai semangat menghargai dan memastikan kelestarian seni, budaya dan warisan sentiasa terpelihara dan dikagumi serta dihormati dunia.





## PERANAN

DAKEN menjadi panduan untuk memartabatkan kebudayaan secara menyeluruh melalui peranan berikut:



01

memantapkan sektor kebudayaan sama ada dari segi pembangunan fizikal dan bukan fizikal, tadbir urus budaya, modal insan, pengkaryaan dan usaha menjana ekonomi negara;



02

memperkasakan program dan aktiviti seni, budaya dan warisan selari dengan hala tuju DAKEN;



03

DAKEN akan dirujuk dan diambil kira dalam membina strategi dan pelan tindakan Kementerian; dan




04

peranan DAKEN akan mencorak seni, budaya dan warisan negara lebih terarah dan kompetitif pada masa akan datang.

## TERAS

DAKEN membariskan tujuh (7) teras utama yang didukung oleh tiga (3) elemen penting iaitu Institusi Raja-Raja Melayu sebagai lambang negara, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan agama Islam sebagai agama rasmi.







## TERAS 1

# *Budaya Nilai Tinggi*

Budaya nilai tinggi merupakan satu konsep yang menitikberatkan nilai-nilai murni dengan didukung oleh sepuluh (10) nilai bersama yang bersifat sejagat, dan boleh diamalkan oleh semua rakyat. Masyarakat berbudaya nilai tinggi mampu membentuk dan melaksanakan dasar-dasar negara dengan penuh dedikasi dan berintegriti. Selain itu, masyarakat berkeperibadian tinggi dan luhur dapat menzahir dan menghargai nilai khazanah warisan bangsa serta mengutamakan aspek kelestariannya.

Budaya nilai tinggi merangkumi tiga (3) elemen penting iaitu tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan. Tatasusila adalah berkaitan dengan sikap dan perlakuan seseorang, tatacara pula merujuk kepada cara-cara sesuatu tindakan itu harus berlaku, manakala tahap keintelektualan berhubung kait dengan keupayaan pemikiran manusia secara logikal, kritikal dan analitikal.

Budaya nilai tinggi dapat meneguhkan jati diri rakyat supaya lebih bertanggungjawab terhadap bangsa dan negara. Teras ini dapat melahirkan masyarakat yang berdaya tahan dari segi mental dan fizikal serta mampu melaksanakan tugas dalam semua situasi secara kreatif dan inovatif. Semangat juang dan daya saing yang dimiliki oleh rakyat mampu melonjakkan bangsa Malaysia ke persada dunia.





## TERAS 2

# *Keharmonian Masyarakat*

Keharmonian merupakan kunci kepada perpaduan dan kestabilan negara. Setiap negara sentiasa berusaha mencapai kemajuan yang seimbang dari sudut sosioekonomi dan politik yang membolehkan kesejahteraan dan kemakmuran bersama dicapai melalui persefahaman dan penghayatan budaya rakyatnya.

Keharmonian dari perspektif budaya terbentuk daripada perpaduan, keamanan, kemakmuran dan keadilan berteraskan kepada persefahaman, tolak ansur dan hormat menghormati. Ia perlu disemai dan disuburkan bermula dari peringkat kanak-kanak. Institusi-institusi dalam masyarakat juga perlu digerakkan ke arah melestarikan keharmonian dengan memanfaatkan seni dan budaya masyarakat.

Melalui program dan aktiviti seni, budaya dan warisan, masyarakat dapat memahami, menghayati dan menghargai seni, budaya dan warisan pelbagai kaum di Malaysia. Suasana ini akan memberi nilai tambah dalam memastikan jalinan keharmonian masyarakat dapat dinikmati bersama.







### TERAS 3

## *Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya*

Warisan budaya perlu dilestarikan melalui usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bagi menjamin ketinggian nilai estetika khazanah negara. Usaha ini perlu dititip dan diwariskan kepada semua generasi bagi memastikan keaslian dan kelangsungan budaya.

Pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah seni, budaya dan warisan negara sama ada ketara dan tidak ketara ini merangkumi aspek penyelidikan, pendokumentasian, pewartaan dan promosi. Usaha-usaha ini membantu dalam mengangkat aset-aset warisan seni budaya yang bersesuaian untuk diiktiraf di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Inisiatif bagi memelihara dan memulihara kepelbagaian seni, budaya dan warisan negara adalah penting bagi memastikan kesinambungan, keunikan dan keaslian yang diwarisi terus terpelihara. Bagi tujuan ini, ia perlulah seiring dengan peruntukan dana khusus bagi menjamin kelestarian produk pelancongan budaya.





## TERAS 4

# Pembangunan dan Pengembangan Budaya

Pembangunan dan pengembangan budaya penting dalam memajukan kebudayaan negara yang meliputi aspek fizikal, kandungan serta modal insan. Ia hendaklah diurus secara cekap melalui pelan pembangunan dan pengembangan yang jelas. Pelan ini memainkan peranan penting dalam menjamin kelestarian seni, budaya dan warisan negara.

Daripada aspek fizikal iaitu infrastruktur kebudayaan hendaklah dibangun dan diselenggarakan dengan sebaiknya. Penyediaan prasarana dan fasiliti kebudayaan yang kondusif dan praktikal akan dapat membantu ekosistem kebudayaan yang tersedia di mana penggiat seni budaya dan warisan dapat memanfaatkan fasiliti berkenaan untuk tujuan menyemarakkan seni, budaya dan warisan. Selain itu, pembangunan fizikal yang menonjolkan identiti negara adalah digalakkan dalam usaha memartabatkan seni, budaya dan warisan.

Pengembangan seni, budaya dan warisan merupakan asas kepada kesinambungan industri kreatif negara. Aspek pembangunan dan pengembangan kandungan merupakan sebahagian inisiatif bagi memastikan kelestarian seni, budaya dan warisan. Usaha pengembangan perlu diperkasakan dengan memperkayakan kandungan serta mempertingkatkan kandungan sedia ada. Pembangunan dan pengembangan budaya harus mengambilkira keaslian seni, budaya dan warisan. Usaha-usaha pendigitalan budaya pelbagai etnik juga penting sebagai rujukan generasi akan datang.

Pembangunan modal insan budaya melibatkan usaha-usaha melahirkan lebih ramai penggiat seni budaya yang seimbang dan harmonis dalam aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, berdaya saing, berbakat dan berkemahiran di semua peringkat. Program melahirkan pelapis pula diteruskan bagi mengekalkan warisan seni tradisi yang hampir pupus untuk generasi akan datang. Usaha-usaha ini juga melibatkan pembentukan kepemimpinan dan kepakaran dalam bidang seni budaya dan warisan. Justeru, latihan dan pembangunan kapasiti modal insan yang berterusan perlu dilaksanakan.







## TERAS 5

# *Pemeriksaan Budaya*

Budaya perlu diperkasakan bagi menjamin keunggulan, kehebatan dan kekuatannya melalui inisiatif memperkukuhkan tadbir urus dan sistem penyampaian di semua peringkat. Pemeriksaan budaya menjadi agenda penting bagi memastikan Malaysia terus kekal relevan dan menjadi hab budaya serantau. Inisiatif berbentuk penerangan dan pengukuhan ekosistem amat perlu untuk memantapkan pembangunan manusia bagi memberi kesedaran, pemahaman dan penghayatan ke arah kecintaan kepada negara.

Usaha merakyatkan DAKEN adalah penting melalui penglibatan masyarakat supaya denyut nadi dasar ini dihayati dan dirasai bersama. Pengukuhan usaha kerjasama antara kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta, institusi kekeluargaan, institusi pendidikan, institusi kemasyarakatan, institusi perkhidmatan dan persatuan kebudayaan perlu dilaksanakan secara berterusan.

Kebajikan penggiat-penggiat seni, budaya dan warisan perlu diberikan perhatian dengan memperkenalkan skim perlindungan dan bantuan dana serta insentif yang bersesuaian. Bagi merencanakan penajaan program-program seni, budaya dan warisan, insentif baharu adalah perlu selain meneroka bentuk pelaburan untuk memastikan budaya tempatan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Pembangunan industri kreatif dalam seni, budaya dan warisan perlu dipertingkatkan melalui galakan aktiviti penyelidikan dan pendokumentasian kandungan tempatan seiring dengan kemajuan teknologi semasa. Institusi pendidikan perlu juga dilibatkan bagi menyokong usaha pembangunan dan pengembangan industri kreatif secara berterusan serta melestarikan seni, budaya dan warisan negara.





## TERAS 6

# Penjanaan Ekonomi Kebudayaan

Kebudayaan merupakan sektor yang dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi ke arah negara berpendapatan tinggi. Produk dan perkhidmatan kebudayaan perlu dimantapkan melalui transformasi dan pengadaptasian teknologi terkini untuk meningkatkan kualiti dan kapasiti pengeluaran serta memantapkan penjenamaan, promosi dan pemasaran.

Peningkatan visibiliti, kebolehcapaian dan penerokaan pasaran baharu produk dan perkhidmatan dalam industri seni, budaya dan warisan dapat menjamin kelangsungan penjanaan ekonomi sektor kebudayaan. Pada masa yang sama, ciri-ciri keaslian dan identiti seni, budaya dan warisan negara perlu dikekalkan. Penggiat-penggiat seni, budaya dan warisan sektor ini juga perlu diperkasakan daripada aspek keusahawanan, kemahiran teknikal dan komunikasi.

Penglibatan komuniti setempat dalam mengusaha dan mengkomersilkan produk dan perkhidmatan ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan. Kegiatan ekonomi ini juga dapat memberi limpahan positif kepada sektor-sektor lain dalam rantai ekonomi setempat sekaligus dapat meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat.







## TERAS 7

# Kecemerlangan Budaya

Kecemerlangan budaya merujuk kepada kemampuan, kebolehan dan keupayaan untuk memartabatkan seni, budaya dan warisan secara menyeluruh dan bersepadu. Kecemerlangan budaya boleh dilihat dalam konteks:

### Pengkaryaan seni estetik dengan nilai komersial

Penghasilan karya seni bermutu yang mempunyai nilai estetika tinggi melalui warisan budaya akan memberi tafsiran positif tentang kekayaan dan keunikan budaya tempatan. Hasil karya ini merupakan ekspresi yang memperlihatkan kehebatan budaya dan berpotensi untuk dikomersialkan sehingga ke peringkat antarabangsa.

### Pusat Kecemerlangan Seni, Budaya dan Warisan

Pusat Kecemerlangan (*Centre of Excellence*) seni, budaya dan warisan hendaklah melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang berkaitan. Ia turut berperanan sebagai pusat rujukan dan penyelidikan dalam menghasilkan karya kreatif, inovatif, berkualiti dan berprestij.

### Pengiktirafan

Pengiktirafan warisan seni dan budaya di peringkat kebangsaan dan antarabangsa akan menyerlahkan identiti dan keperibadian bangsa. Hal ini harus setara dengan nilai sumbangan kepada sosioekonomi negara. Selain itu, mekanisme pengiktirafan dalam bidang seni, budaya dan warisan perlu dimantapkan bagi menjamin kewibawaannya.









## BIDANG FOKUS SENI, BUDAYA DAN WARISAN

---

Seni, budaya dan warisan dalam konteks Dasar Kebudayaan Negara dibagikan kepada empat (4) bidang fokus seperti berikut:

**WARISAN**



**MEDIA**



**SENI**



**PENCIPTAAN**





## WARISAN

### Bahasa dan Kesusasteraan

- Bahasa Melayu
- Bahasa Ibunda/etnik
- Sastera Rakyat
- Sastera Tradisi
- Sastera Moden

### Adat dan Budaya

- Adat yang sebenar Adat
- Adat yang teradat
- Adat yang diadatkan
- Adat Istiadat

### Kearifan Tempatan

- Makanan Warisan
- Seni Mempertahankan Diri
- Permainan Rakyat/ Tradisi
- Perubatan Tradisi
- Perayaan/ Festival
- Kraf tangan<sup>1</sup>
- Busana Tradisional
- Pertukangan<sup>2</sup>
- Penulisan

### Tapak/ Laman Budaya

- Monumen Bersejarah
- Mercu tanda
- Muzium/ Galeri
- Perpustakaan
- Arkib
- Arkeologi
- Tapak Semulajadi



## SENI

### Seni Visual

- Catan<sup>3</sup>
- Karya atas kertas<sup>5</sup>
- Arca dan Objek Seni<sup>4</sup>

### Seni Persembahan (Tradisional & Kontemporari)

- Muzik
- Tari
- Lakon

Nota: Bidang fokus turut merujuk kepada Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) dan UNESCO/UNCTAD

1. Tekstil/ hasil rimba / hasil logam/ hasil tanah/ aneka kraf.
2. Manuskrip/ Jawi/ Khat/ Kaligrafi.
3. Karya yang secara dominan menggunakan teknik catan yang menggunakan kanvas seperti linen, kapas, jut atau panel kayu atau logam.
4. Karya yang menggunakan media kering dan basah (grafit, arang kapur, pastel minyak, pastel kapur beserta cat air, dakwat atau campuran) yang diaplikasikan di atas permukaan kertas sama ada dalam bentuk teknik cetakan atau lukisan.
5. Karya berbentuk tiga dimensi yang dihasilkan bagi tujuan estetik, kebudayaan, keagamaan dan bagi tujuan hiasan yang lain. Terdiri daripada bahan kayu, batu, simen fondu, kaca, besi, bahan sentetik dan bahan-bahan lain.





## MEDIA

### Media Cetak & Elektronik

- Buku
- Surat Khabar
- Lain-lain penerbitan

### Audio Visual

- Dokumentasi lisan
- Filem
- TV/ Radio
- Gambar pegun
- Video

### Media Baharu

- Perisian
- Kandungan Digital
- Permainan video
- Animasi
- Grafik




## PENCIPTAAN

### Rekaan

- Rekaan Dalam
- Busana/ Fesyen
- Aksesori
- Seni Bina dan Landskap

### Perkhidmatan Kreatif

- Pengiklanan
- Penyelidikan dan Pembangunan Kreatif
- Perkhidmatan Kebudayaan







## RUMUSAN

---

Dasar Kebudayaan Negara menggariskan hala tuju seni, budaya dan warisan yang mengambil kira keperluan semasa serta cabaran pada masa hadapan. Dasar ini bertindak sebagai panduan dalam memastikan hasrat merencanakan fungsi kebudayaan sebagai pemangkin kepada perpaduan dan jati diri pembangunan insan kreatif dan ekonomi berdaya saing.

Bagi memastikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan rakyat berbudaya, penghayatan dan kesedaran setiap warganegara terhadap budaya nilai tinggi perlu terus dipupuk seiring dengan perkembangan teknologi terkini.

Perancangan, pelaksanaan dan pemantauan yang berterusan beserta kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan, masyarakat dan individu mampu merealisasikan aspirasi **Negara Maju Rakyat Berbudaya**. Justeru, DAKEN ini dirangka bagi memanfaatkan setiap rakyat Malaysia serta memastikan seni, budaya dan warisan terus terpelihara dan lestari.





“.....Rakyat Malaysia sekarang dan akan datang hendaklah mempunyai nilai-nilai hidup yang membolehkan mereka itu menghadapi zaman pergolakan yang penuh cabaran-cabarannya serta mengatasi masalah yang berbagai rupa dalam dunia moden ini.”

Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Haji Dato' Hussein  
Perdana Menteri Malaysia ke-2

# 3

## STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

---

Dasar Kebudayaan Negara  
2021 - 2025



## PENGENALAN

---

Dasar Kebudayaan Negara digubal berasaskan kepada tanggung jawab kerajaan untuk mengujudkan sebuah garis panduan bagi menangani dan mendepani urusan budaya yang dinamik sifatnya. Dasar ini diwujudkan setelah kerajaan mengenal pasti isu dan cabaran budaya semasa, serta mendapati kebaikan dalam memelihara, memulihara dan melindungi urusan kebudayaan.

Dasar Kebudayaan Negara menggariskan visi, misi dan strategi yang jelas ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, rakyat berbudaya dengan memfokuskan kepada tujuh (7) teras utama iaitu Budaya Nilai Tinggi, Keharmonian Masyarakat, Pemeliharaan dan Pemuliharaan Warisan Budaya, Pembangunan dan Pengembangan Budaya, Pemerkasaan Budaya, Penjanaan Ekonomi Kebudayaan dan Kecemerlangan Budaya.

Dalam usaha mencapai visi dan misi kebudayaan negara, sebanyak tiga puluh sembilan (39) strategi dengan sembilan puluh lima (95) pelan tindakan telah dikenal pasti, dirancang dan dirangka bagi tempoh pelaksanaan **lima (5) tahun (2021-2025)** berdasarkan tujuh (7) teras utama tersebut.

Strategi dan Pelan Tindakan Dasar Kebudayaan Negara ini diharap dapat membantu kerja-kerja kreatif dalam kalangan rakyat, dengan mengutamakan budaya nilai tinggi dan tahap keintelektualan. Semoga strategi dan pelan tindakan ini dapat diterjemah sebaiknya bagi menampakkan rupa bentuk budaya bangsa Malaysia yang maju dan berbudaya nilai tinggi.





## TERAS 1

### BUDAYA NILAI TINGGI

Pembudayaan budaya nilai tinggi melalui amalan nilai-nilai murni yang mencakupi 10 nilai bersama bagi melahirkan masyarakat yang memiliki tatasusila, tatacara dan tahap keintelektualan terpuji.

3 Strategi

8 Pelan Tindakan

## TERAS 2

### KEHARMONIAN MASYARAKAT

Pengukuhan keharmonian masyarakat melalui pelaksanaan program seni, budaya dan warisan.

3 Strategi

9 Pelan Tindakan

## TERAS 3

### PEMELIHARAAN DAN PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA

Pelestarian pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan khazanah warisan budaya.

8 Strategi

16 Pelan Tindakan

## TERAS 4

### PEMBANGUNAN DAN PENGEMBANGAN BUDAYA

Memperkasakan usaha-usaha pembangunan dan pengembangan budaya.

8 Strategi

22 Pelan Tindakan

## TERAS 5

### PEMERKASAAN BUDAYA

Memperkasakan seni, budaya dan warisan supaya kekal lestari dan berdaya saing.

7 Strategi

18 Pelan Tindakan

## TERAS 6

### PENJANAAN EKONOMI KEBUDAYAAN

Penerokaan potensi dan pengkomersialan produk seni, budaya dan warisan sebagai penjana ekonomi yang mampan.

4 Strategi

10 Pelan Tindakan

## TERAS 7

### KECEMERLANGAN BUDAYA

Memartabatkan kecemerlangan seni dan budaya melalui penciptaan/ pengkaryaan kreatif ke peringkat nasional hingga peringkat serantau dan antarabangsa.

6 Strategi

12 Pelan Tindakan





Teras 1

## BUDAYA NILAI TINGGI

### STRATEGI 1

Membangunkan konsep budaya nilai tinggi dalam konteks kepelbagaian budaya

#### Pelan Tindakan 1

Membangunkan konsep budaya nilai tinggi berteraskan tatatusila, tatacara dan tahap keintelektualan

#### Aktiviti

- Bengkel budaya nilai tinggi

#### Agensi pelaksana / Agensi pendokong

- MOTAC • Kerajaan Negeri • KPWKM • KBS • KPM • KPT

**Tempoh masa** : 12 bulan

#### Pelan Tindakan 2

Membangunkan kit dan modul termasuk aplikasi budaya nilai tinggi bagi memudahkan pemahaman dan penghayatan rakyat

#### Aktiviti

- Bengkel
- Seminar
- Persidangan
- Promosi

#### Agensi pelaksana / Agensi pendokong

- MOTAC • Kerajaan Negeri • KPWKM • KBS • KPM • KKMM • KPT

**Tempoh masa** : 12 bulan

### STRATEGI 2

Merancang program khusus bagi penerapan, penghayatan dan pengamalan budaya nilai tinggi

#### Pelan Tindakan 1

Mengukuhkan institusi kekeluargaan, pendidikan, kemasyarakatan dan perkhidmatan
